

**BENTUK KERTAS SOALAN**

Kertas soalan Membuat Perabot 7102/1 ini mengandungi 15 soalan subjektif yang dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Calon **wajib** menjawab kesemua soalan bagi setiap bahagian. Peruntukan masa ialah 2 ½ jam.

Pembahagian soalan adalah seperti berikut ;

- Bahagian A Mempunyai 10 soalan subjektif. Merupakan soalan aras rendah yang memerlukan calon menyatakan prosedur kerja berdasarkan eviden pengetahuan mereka.
- Bahagian B Mempunyai 3 soalan subjektif. Merupakan soalan aras sederhana yang memerlukan calon mengaplikasikan eviden pengetahuan mereka.
- Bahagian C Mempunyai 2 soalan subjektif. Merupakan soalan aras tinggi yang memerlukan kreativiti calon berdasarkan eviden pengetahuan mereka.

**PRESTASI KESELURUHAN**

Prestasi keseluruhan calon adalah pada tahap sederhana. Jawapan yang dikemukakan oleh calon tidak menepati kehendak soalan dan tidak menepati peraturan yang ditetapkan. Calon tidak dapat menjawab menepati kehendak soalan kerana kemahiran berfikir yang lemah. Majoriti calon berlatarbelakangkan pencapaian yang lemah dalam Penilaian Menengah Rendah sehinggakan gagal memberi huraian dan gambaran mengikut situasi soalan. Pada keseluruhannya, calon amat lemah dalam menjawab soalan dalam aspek aplikasi dan kreativiti.

**PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON****Calon Dalam Kumpulan Cemerlang**

Memahami kehendak soalan dan menjawab dengan baik. Gambaran dan huraian yang diberikan menepati kehendak soalan dan mudah difahami. Boleh menjawab soalan berbentuk kuantitatif dan membuat pengiraan dengan tepat. Soalansoalansoalan aplikasi dan kreativiti dapat dijawab dengan tepat dan padat.

**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Memahami kehendak soalan dan menjawab dengan baik. Gambaran dan huraian yang diberikan menepati kehendak soalan. Sedikit kelemahan dalam menjawab soalansoalansoalan aplikasi dan kreativiti. Persembahan jawapan baik, jelas dan mudah difahami.

**Calon Dalam Kumpulan Sederhana**

Calon tidak memahami kehendak soalan terutama bahagian B dan C dalam tajuk Keusahawanan dan Pengiraan Kos . Kebanyakan calon dapat menjawab soalan bergambarajah, soalan berbentuk padanan, menyusun semula langkah kerja dan soalan berbentuk lakaran. Namun begitu, calon gagal dalam menjawab soalan yang berbentuk struktur dan esei. Walaupun calon cuba menjawab soalan berikut tetapi gagal menyampaikan maksud dengan jelas kerana tidak menguasai istilah dan penguasaan

bahasa yang lemah. Kebanyakan calon tidak menjawab bahagian B dan C. Namun begitu, terdapat segelintir calon cuba menjawab bahagian ini tetapi tidak mendapat skor yang baik.

### **Calon Dalam Kumpulan Rendah**

Tidak faham kehendak soalan, maka jawapan yang diberikan tidak tepat. Keseluruhan jawapan terpesong daripada kehendak soalan. Tidak dapat menjawab soalan yang memerlukan kemahiran berfikir berbentuk aplikasi dan kreativiti. Jawapan yang diberi tidak lengkap seperti diarahkan. Terdapat juga calon yang tidak menjawab soalan. Penyampaian amat lemah tiada susunan, memberi jawapan secara pernyataan umum. Kemahiran kuantitatif dan huraian prosedur kerja pada keseluruhannya sangat lemah. Segelintir calon tidak menjawab kesemua soalan peperiksaan.

## **PRESTASI TERPERINCI**

### **Bahagian A**

#### **Soalan 1**

Pada keseluruhannya, calon mampu memahami kehendak soalan yang memerlukan mereka memilih dan menanda empat jawapan yang betul daripada 6 pilihan jawapan. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan calon yang tidak dapat membezakan tentang jenis pemotongan yang boleh dibuat dengan mesin gergaji lengan. Calon menganggap semua jenis pemotongan lurus atau serong boleh dibuat dengan gergaji lengan. Oleh itu, ada calon yang menandakan semua jawapan. Calon sepatutnya menanda ( $\surd$ ) pada 4 jawapan yang betul daripada 6 jawapan yang diberi pada kotak yang disediakan.

#### **Soalan 2**

Pada keseluruhannya, calon boleh membezakan cara meratakan permukaan kayu dengan kertas pasir berbanding penggunaan alat tangan. Calon menjawab berdasarkan pengalaman membuat kemasan pada projek amali. Walau bagaimanapun, terdapat calon yang tidak boleh mengaitkan penggunaan kertas pasir bagi mendapatkan permukaan kayu yang rata. Pada umumnya, calon menganggap alat tangan seperti kikir parut dan ketam golek boleh digunakan bagi meratakan permukaan kayu, sedangkan kehendak soalan adalah aspek penggunaan kertas pasir. Ini menunjukkan calon tidak memahami kehendak soalan dengan jelas, Calon sepatutnya menandakan 3 daripada 5 pilihan jawapan dalam kotak yang disediakan.

#### **Soalan 3**

Kebanyakan boleh menjawab soalan ini kerana calon telah mendapat pendedahan secara amali bagi persediaan bahan sesuatu projek. Walau bagaimana pun terdapat juga calon yang tidak boleh menentukan 4 langkah penyediaan papan dalam urutan yang betul. Pada umumnya calon menganggap semua langkah yang diberi adalah betul, sedangkan kehendak soalan memerlukan 4 langkah penyediaan papan sahaja. Calon dikehendaki menyenaraikan 4 langkah penyediaan papan dengan menanda pada kotak yang disediakan.

#### **Soalan 4**

Pada keseluruhannya, calon dapat menyatakan langkah menggunakan alat pemadam api kerana telah mendapat pendedahan mencegah kebakaran dalam mata pelajaran yang lain.

Walau bagaimanapun terdapat calon yang tidak meneliti kehendak soalan sebaliknya menyatakan langkah memadam api seperti penggunaan air dan menelefon pihak bomba. Kebanyakan calon tidak menyatakan cara penggunaan alat pemadam api sebaliknya menyatakan langkah lain seperti menelefon pihak bomba. Calon dikehendaki menyatakan langkah bagi memadamkan kebakaran dengan menggunakan alat pemadam api

### **Soalan 5**

Pada umumnya calon boleh mengaplikasi langkah keselamatan semasa menggunakan mesin pegun kerana aspek ini telah didedahkan dan dititikberatkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat juga segelintir calon yang tidak memahami kehendak soalan dengan tepat iaitu perlakuan yang membahayakan. Sebahagian calon tidak dapat membezakan antara perlakuan yang membahayakan dengan langkah keselamatan. Oleh itu, kebanyakan calon menyatakan peraturan keselamatan semasa menggunakan mesin pegun sedangkan kehendak soalan memerlukan senarai perlakuan yang membahayakan. Calon keliru dengan perbuatan yang membahayakan dengan peraturan keselamatan. Ini menyebabkan calon menggunakan perkataan “jangan “atau “tidak boleh” pada jawapan mereka. Calon sepatutnya menyenaraikan 4 perlakuan yang membahayakan semasa menggunakan mesin pegun dan bukannya menyenaraikan langkah keselamatan.

### **Soalan 6**

Kebanyakan calon boleh menguasai cara penggunaan alat tangan semasa melakukan kerja amali. Ini membolehkan calon menjawab soalan ini dengan tepat. Walau bagaimana pun terdapat segelintir calon yang tidak dapat membezakan antara fungsi dan kegunaan sesuatu alat tangan yang betul dan sesuai bagi sesuatu proses kerja. Calon yang tidak mengalami proses ini di dalam pengajaran dan pembelajaran tidak dapat menandakan jawapan dengan betul pada kotak yang disediakan. Justeru itu, ada calon hanya membuat andaian rambang sahaja. Calon tidak dapat mengaitkan penggunaan alat tangan yang betul dan sesuai untuk membina lubang tanggam. Calon perlu menandakan alat tangan yang sesuai digunakan bagi pembinaan tanggam tersebut pada kotak yang disediakan.

### **Soalan 7**

Calon telah didedahkan dalam proses membuat meja tulis dalam kerja amali. Calon yang telah kompeten dan menguasai kemahiran membuat meja tulis ini boleh memberikan jawapan yang tepat. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir calon yang tidak dapat mengenal pasti urutan langkah membuat meja tulis. Ini disebabkan kelemahan daya ingatan calon dalam penyusunan langkah tersebut. Kebanyakan calon mengetahui tentang proses sesuatu kerja dalam membuat meja tulis tetapi tidak teliti dalam menyusun langkah proses membuat meja tulis mengikut urutan yang betul. Calon perlu menyusun mengikut urutan dengan menandakan 1,2,3, dan 4 bagi proses membuat meja tulis dalam kotak yang disediakan.

### **Soalan 8**

Calon didedahkan tentang penggunaan mesin pemampat udara semasa proses membuat kemasan setiap projek amali. Bagi calon yang menguasai kemahiran membuat kemasan projek tidak mempunyai masalah bagi menjawab soalan ini. Walau bagaimanapun, segelintir calon tidak dapat menguasai kemahiran mengenalpasti kebocoran pada mesin pemampat udara. Terdapat calon yang memilih dan menanda 3 jawapan secara rambang. Ini disebabkan calon tidak menguasai kemahiran mengenalpasti masalah yang timbul dari

penggunaan mesin pemampat udara. Calon dikehendaki menandakan 3 kemungkinan yang berlaku yang menyebabkan tekanan semburan semakin berkurangan pada kotak yang disediakan.

### **Soalan 9**

Calon telah didedahkan tentang aspek membaikpulih alat tangan iaitu dengan mencanai dan mengasah mata alat dalam pengajaran dan pembelajaran. Calon yang tidak menguasai kemahiran ini atau yang tidak pernah melakukan proses membaikpulih alat tangan tidak dapat menyenaraikan cara membaikpulih mata pahat dalam bentuk huraian. Kebanyakan calon tidak menyenaraikan cara membaikpulih pahat yang telah sumbing mengikut turutan iaitu membuat proses mencanai dan diikuti dengan proses mengasah. Terdapat juga calon yang hanya menyenaraikan satu proses sama ada mencanai atau mengasah sahaja. Calon sepatutnya menyenaraikan cara membaikpulih mata pahat yang telah sumbing iaitu melibatkan proses mencanai dan proses mengasah.

### **Soalan 10**

Calon telah didedahkan dengan kemahiran latihan melakar dalam bentuk isometrik sebelum sesuatu projek amali dibuat. Bagi calon yang tidak menguasai kemahiran melakar dan konsep lukisan isometrik bercerai sukar untuk mengaplikasi gambaran idea dalam bentuk lakaran. Lakaran yang dibuat oleh calon tidak menepati konsep lakaran isometrik bercerai terutama bagi calon yang lemah dan tidak menguasai kemahiran melakar. Terdapat segelintir calon juga menggunakan peralatan lukisan yang bertentangan dengan konsep lakaran. Calon sepatutnya melakarkan tanggam dan lubang puting dalam bentuk isometrik bercerai.

## **Bahagian B**

### **Soalan 1**

Calon telah mendapat pendedahan dalam membuat tanggam temu semasa membuat rak kasut. Bagi calon yang menguasai kemahiran ini dapat menghuraikan sama ada dalam bentuk pernyataan atau lakaran pembinaan tanggam tersebut. Terdapat juga segelintir calon yang melukis kembali rajah yang diberi. Ini menunjukkan calon tidak memahami kehendak soalan yang diberi. Calon melukis kembali rajah yang diberi tanpa menjelaskan cara membuat tanggam. Ada juga calon yang tidak dapat menjawab soalan ini kerana tidak tahu melakar atau membuat huraian. Terdapat juga huraian atau lakaran calon yang tidak lengkap. Calon dikehendaki menghuraikan sama ada dalam bentuk pernyataan atau lakaran cara membuat tanggam temu.

### **Soalan 2**

Calon yang berprestasi tinggi dan berkemahiran membuat lakaran boleh melukis dan menghitung jumlah papan lapis yang diperlukan. Mereka juga boleh menghitung kos yang terlibat dalam penyediaan papan lapis serta mengenalpasti saiz manakah yang patut di beli. Manakala calon yang lemah tidak dapat menghitung dengan tepat. Terdapat juga calon memberi jawapan yang tidak lengkap serta tidak menjawab langsung. Kelemahan calon ialah tidak melukis sebelum menghitung saiz permukaan pentas tersebut. Calon tidak melukis saiz sebenar yang diperlukan sebelum menghitung jumlah papan lapis tersebut. Terdapat segelintir calon yang tidak menunjukkan jalan pengiraan sebagaimana kehendak soalan. Selain itu, calon yang tidak dapat mengira atau melukis hanya meneka secara rambang. Calon dikehendaki melukis dan menghitung jumlah papan lapis yang diperlukan

serta jumlah kos yang terlibat bagi setiap saiz. Calon juga dikehendaki mengenalpasti saiz manakah yang lebih ekonomik.

### **Soalan 3**

Calon yang berprestasi tinggi dan mempunyai kemahiran melakar boleh membuat lakaran dalam bentuk isometrik tercerai tanggam lubang dan puting kembar. Terdapat juga calon yang boleh melakar tetapi tidak mengikut konsep lukisan isometrik. Selain itu, segelintir calon yang tidak menjawab soalan ini kerana tidak dapat melakar dalam bentuk isometrik tercerai. Pada bahagian (b), kebanyakan calon boleh mencadangkan bahan yang sesuai untuk membina projek meja telefon. Ini kemungkinan disebabkan calon telah biasa menggunakan bahan yang dicadangkan semasa membuat projek amali. Lakaran yang dibuat oleh calon tidak menepati konsep isometrik tercerai. Terdapat juga calon yang tidak membuat lakaran secara lengkap. Bagi cadangan bahan, terdapat segelintir calon yang tidak dapat membezakan antara bahan dengan alat tangan. Calon dikehendaki melakar dalam bentuk isometrik tercerai tanggam lubang dan puting kembar dan mencadangkan bahan yang sesuai untuk membina projek meja telefon.

## **Bahagian C**

### **Soalan 1**

Calon telah didedahkan tentang tajuk keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran. Bagi calon yang berprestasi tinggi dapat menjawab dengan huraian yang jelas dan menyakinkan. Walau bagaimanapun calon yang berprestasi sederhana hanya menyatakan strategi untuk meningkatkan jualan tanpa huraian yang jelas dan padat. Majoriti calon tidak menjawab soalan langsung. Ini berkemungkinan calon tidak yakin untuk menghuraikan jawapan mereka. Segelintir calon yang menjawab soalan ini tidak dapat mengenalpasti maksud merancang strategi dalam meningkatkan jualan perabot. Justeru itu jawapan yang diberikan tidak dapat menggambarkan pemahaman calon terhadap kehendak soalan. Calon dikehendaki memberi cadangan bagaimana merancang strategi untuk meningkatkan jualan perabot syarikat.

### **Soalan 2**

Calon yang berprestasi tinggi dan berkemahiran membuat lakaran boleh menjawab soalan yang berbentuk kreativiti ini. Mereka dapat menjana idea berdasarkan pengalaman semasa membuat kerja amali. Ini kerana soalan ini memerlukan calon memikirkan sesuatu idea dan mengaplikasikan idea tersebut dalam bentuk lukisan perspektif atau isometrik atau oblik. Calon yang tidak berkemahiran melakar dan memahami konsep lukisan perspektif atau isometrik atau oblik tidak dapat menjawab soalan ini. Lukisan yang dibuat tidak menepati konsep lukisan perspektif atau isometrik atau oblik yang sebenar. Selain itu, terdapat segelintir calon juga tidak menyertakan dimensi pada lukisan sebagaimana yang dikehendaki dalam soalan. Sebahagian calon juga tidak menjawab soalan ini mungkin disebabkan gagal memahami kehendak soalan. Begitu juga daya kreativiti calon tidak terserlah. Calon dikehendaki melukis satu projek rak majalah dengan menyertakan dimensi sama ada dalam bentuk perspektif atau isometrik atau oblik.

### **SARANAN KEPADA CALON**

1. Calon harus membaca item dengan teliti dan memahami kehendak soalan sebelum menjawab soalan.
2. Item yang ditanya berasaskan soalan kemahiran yang telah diperolehi calon semasa proses pembelajaran dan kerja amali. Dinasihatkan kepada calon agar sentiasa mengingati setiap langkah kerja yang telah dibuat semasa membuat kerja kemahiran praktikal.
3. Calon harus mahir dalam bidang lukisan lakaran isometrik supaya dapat melakar idea mengikut konsep lukisan bagi menjawab soalan kreativiti pada bahagian C.
4. Calon mesti benar kompeten di dalam semua modul kerana pembinaan item adalah berpandukan kepada kompetensi calon semasa proses pembelajaran.

### **SARANAN KEPADA GURU**

1. Guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran.
2. Guru digalakkan membuat persediaan lebih awal sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran.
3. Guru digalakkan mengikuti kursus peningkatan profesionalisme seperti penyelenggaraan mesin dan alat tangan serta kursus yang berkaitan bagi memantapkan ilmu dan kemahiran guru.
4. Memperbanyakkan latih tubi kepada calon terhadap konsep dan teknik yang betul dan tepat dalam melukis sesuatu lakaran.
5. Memberi pendedahan dan latihan lebih khusus kepada calon terhadap soalan yang melibatkan kemahiran berfikir aras tinggi.